

KELAINAN TERJEMAHAN DALAM TERJEMAHAN TEKS BAHASA INGGERIS KEPADA BAHASA MELAYU

**Nur Munirah Mohamed Aziz
Rohaidah Kamaruddin
Universiti Putra Malaysia**

Abstrak

Kajian ini membincangkan tentang kelainan terjemahan dalam terjemahan teks bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu. Kajian ini mengandungi dua objektif utama iaitu untuk mengenal pasti jenis kelainan terjemahan dan membincangkan kaedah-kaedah terjemahan yang digunakan dalam terjemahan teks bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah tinjauan dan kaedah kepustakaan. Sampel kajian ini terdiri daripada 15 orang responden yang mengambil minor Terjemahan dan Interpretasi di Universiti Putra Malaysia (UPM). Keputusan kajian menunjukkan bahawa hasil terjemahan bahasa sasaran setiap responden adalah berlainan antara satu sama lain. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa, penggunaan kaedah terjemahan yang berlainan turut menghasilkan maksud yang berbeza. Justeru pengkaji telah menyimpulkan bahawa setiap perkataan daripada bahasa sumber mempunyai padanan terjemahan yang berlainan dalam bahasa sasaran berdasarkan kepada pengguna atau orang yang menterjemahkannya.

Kata kunci: Terjemahan, kelainan, kaedah, bahasa Melayu, bahasa Inggeris.

THE VARIATION OF TRANSLATION IN THE TEXT TRANSLATION OF ENGLISH LANGUAGE INTO MALAY LANGUAGE

Abstract

This research discusses the variation of translation in text translation of English language into Malay language. This study has two objectives, namely to identify the type of translation disorders and to discuss the translation methods used in the English text translation into Malay language. The research sample consisted of 15 respondents who take minor in Translation and Interpretation at University Putra Malaysia (UPM). The results showed that, the translation of each respondent are different from each other within the target language. The findings also show that the use of different translation methods also produce different meanings. Thus, researcher has concluded that, every word of the source language has different translation equivalents in the target language by the user or the person who translated it.

Keywords: Translation, variation, method, Malay language, English language.

PENGENALAN

Bahasa ialah medium perhubungan antara seorang individu dengan individu yang lain. Melalui bahasa, manusia dapat berhubung dan berinteraksi sesama mereka. Hal ini selaras dengan pandangan yang dikemukakan oleh Kamaruddin Hj. Husin (1993) yang menyatakan bahawa bahasa ialah sebagai alat yang digunakan oleh anggota masyarakat untuk berhubung.

Bahasa pertama yang dipelajari oleh seseorang individu ialah bahasa ibunda, iaitu bahasa yang diperoleh atau dipelajari oleh bayi atau kanak-kanak melalui ibunya. Menurut Mangantar Simanjuntak (1987), pemerolehan bahasa (*language acquisition*) ialah proses yang berlaku di dalam otak seseorang kanak-kanak atau bayi sewaktu memperoleh bahasa ibunda atau bahasa pertamanya.

Pengetahuan bahasa sememangnya sesuatu yang amat penting dalam aktiviti komunikasi dalam masyarakat. Bahasa yang dikuasai seseorang individu melambangkan identiti dan jati dirinya, pengetahuan bahasa tidak hanya terbatas kepada satu bahasa sahaja malah masyarakat digalakkan untuk menguasai lebih daripada satu bahasa. Di Malaysia, bahasa Inggeris merupakan bahasa kedua yang dituturkan oleh kebanyakan masyarakat. Menurut Siti Hajar Abdul Aziz (2009), “bahasa kedua ialah sebarang bahasa yang dipelajari selepas bahasa pertama atau bahasa ibunda dan pemerolehan bahasa kedua merujuk kepada proses seseorang mempelajari bahasa yang selain daripada bahasa ibunda.

Pengetahuan bahasa kedua amat dititikberatkan dalam usaha untuk mempelajari lebih daripada satu bahasa atau dikenali sebagai dwibahasa. Perbezaan budaya dan pemahaman masyarakat yang berbeza dalam masyarakat multi-bahasa telah membawa kepada usaha menghasilkan terjemahan bahasa agar proses komunikasi dapat berlangsung tanpa sebarang gangguan. Umumnya, terjemahan dimaksudkan sebagai pemindahan maklumat daripada satu bahasa (bahasa sumber) kepada bahasa yang lain (bahasa sasaran). Dalam hal ini Brislin (1976) menyatakan bahawa;

“Translation is the general term referring to the transfer of thoughts and ideas from one language (source) to another (target), whether the languages are in written or oral form; whether the languages have established orthographies or do not have such standardization or whether one or both languages is based on signs, as with sign languages of the deaf.”

Proses menterjemah sesuatu bahasa kepada bahasa yang lain merupakan perkara yang agak rumit. Tahap kepakaran yang tinggi diperlukan agar maklumat yang ingin disampaikan dapat diterima dengan mudah oleh pembaca sasaran. Tambahan pula, kewujudan kelainan dalam terjemahan menyebabkan sesuatu maklumat itu tidak dapat disampaikan ke dalam bahasa sasaran dengan tepat. Gangguan dalam proses penterjemahan ini secara tidak langsung menyukarkan komunikasi, baik secara lisan mahupun tulisan. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti jenis kelainan terjemahan yang dihasilkan dalam terjemahan teks bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu.

OBJEKTIF KAJIAN

Untuk mengenal pasti jenis kelainan terjemahan dan membincangkan kaedah-kaedah terjemahan yang digunakan dalam terjemahan teks bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu.

SKOP KAJIAN

Kajian ini terbatas kepada kajian tentang kelainan terjemahan dan kaedah-kaedah terjemahan yang digunakan dalam terjemahan teks bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu. Kajian ini dijalankan ke atas 15 orang responden yang mengambil minor Terjemahan dan Interpretasi di Universiti Putra Malaysia (UPM).

KAJIAN KELAINAN TERJEMAHAN

Nurkhalisah @ Naemah Mustapa (2013) dalam kajiannya yang bertajuk *Issues in Translation between English and Malay* membincangkan tentang bagaimana perbezaan dan persamaan antara dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris memainkan peranannya dalam terjemahan bahan-bahan dalam dua genre yang berbeza. Justeru, ciri-ciri yang dibincangkan dalam kajian ini juga bukan sekadar pada isu-isu pada peringkat perkataan dan peringkat ayat malah ia juga meliputi aspek morfem yang membentuk kedua-dua bahasa. Hasil kajian ini mendapati bahawa ayat dalam teks-teks bahasa Melayu tidak memerlukan perkataan yang banyak, tetapi cenderung untuk mempunyai lebih morfem, dan ini menimbulkan persepsi bahawa ayat dalam bahasa Melayu mempunyai lebih banyak kata-kata berbanding bahasa Inggeris.

Wong Teck Chin (2012) dalam kajiannya yang bertajuk *Kelainan Bahasa Berdasarkan Pengguna dan Penggunaan Bahasa Melayu di Malaysia* membincangkan tentang faktor-faktor yang menyebabkan kewujudan kelainan bahasa dan pengaruh kelainan bahasa terhadap masyarakat dan negara. Kajian ini membincangkan tentang faktor-faktor yang mempengaruhi kelainan bahasa Melayu dan kesannya terhadap pengguna bahasa Melayu. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pengguna dan penggunaan bahasa itu sendiri menentukan kelainan yang wujud dalam sesuatu bahasa.

Mohammed Nasser Alhuqbani (2013) dalam kajiannya yang bertajuk *The English But and Its Equivalent in Standard Arabic: Universality vs. Locality* cuba membandingkan dan membezakan fungsi wacana utama Inggeris “tetapi” dengan persamaannya dalam bahasa Arab standard “*lakin*”. Sebanyak 48 contoh ujian telah diedarkan kepada 5 orang responden yang menuturkan bahasa Arab dan bahasa Inggeris dan 5 orang responden lain yang merupakan penutur asli bahasa Inggeris. Hasil kajian menunjukkan bahawa “*lakin*” berfungsi sebagai penanda wacana utama bagi “tetapi” dalam bahasa Inggeris. Meskipun terdapat perkataan lain yang dapat digunakan sebagai padanan kata bagi “tetapi” namun perkataan tersebut tidak menepati konteks seperti yang dapat dilakukan oleh perkataan “*lakin*”.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini melibatkan 15 orang responden yang mengambil minor Terjemahan dan Interpretasi di Universiti Putra Malaysia (UPM). Sebuah teks berbahasa Inggeris digunakan sebagai data kajian. Teks tersebut kemudian diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh para responden menggunakan instrumen soal selidik. Data dikumpul menggunakan soal selidik yang dijalankan menggunakan teknik pembelajaran abad ke-21 iaitu melalui laman sesawang (www.padlet.com). Data yang dikaji adalah dalam bentuk kualitatif dan dianalisis secara deskriptif berdasarkan objektif kajian yang ditetapkan.

DAPATAN KAJIAN

Objektif 1: Analisis Jenis-jenis Terjemahan

Menurut John Dryden (1697), terdapat tiga terjemahan asas yang boleh diaplikasikan dalam proses sesuatu terjemahan. Terjemahan asas yang pertama ialah terjemahan metafrasa (*metaphrase*) iaitu, terjemahan perkataan demi perkataan dan baris demi baris. Kedua, terjemahan parafrasa (*paraphrase*) iaitu terjemahan yang setia pada teks asal dengan memberi penekanan pada aspek makna sebaliknya bukan pada perkataan dan yang seterusnya ialah tiruan (*imitation*), iaitu terjemahan secara bebas dengan mengubah perkataan dan makna yang dilakukan secara serentak yang bertujuan untuk mengekalkan semangat teks tersebut. Dalam kajian ini tiga asas terjemahan oleh John Dryden (1697) dijadikan kayu ukur untuk menilai setiap terjemahan yang dihasilkan oleh responden kajian ini untuk mengenal pasti kelainan yang wujud dalam terjemahan bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu.

Jadual 1.1 : Terjemahan Metafrasa

Bahasa Sumber	Bahasa Sasaran
<i>Personal Integrity is a strongly held sense of commitment to openness, honesty, inclusiveness and high standards in oneself.</i>	1. Integriti diri ialah satu pegangan komitmen yang teguh terhadap keterbukaan, kejujuran, keterangkuman dan standard yang tinggi pada diri sendiri.
	2. Integriti diri adalah satu sikap komitmen yang kuat ke arah keterbukaan, kejujuran, keterangkuman dan juga standard diri individu itu sendiri.
	3. Integriti diri merupakan satu rasa tanggungjawab yang mendalam terhadap sifat keterbukaan, kejujuran, keterangkuman dan mempunyai standard yang tinggi di dalam diri.

Berdasarkan jadual di atas, terdapat 3 terjemahan metafrasa yang dikenal pasti melalui penelitian terhadap hasil dapatan kajian. Menurut Dyrden (1680), metafrasa merupakan proses memadankan karya pengarang asal secara kata demi kata atau baris demi baris yang juga dikenali sebagai terjemahan harfiah. Dalam hal ini, tiga hasil terjemahan di atas tergolong dalam kategori terjemahan metafrasa. Responden telah menterjemahkan setiap perkataan dalam bahasa sumber secara literal ke dalam bahasa sasaran. Hasil kajian, jelas memperlihatkan terjemahan kata demi kata yang dilakukan bagi petikan di atas. Ketiga-tiga terjemahan metafrasa ini menghasilkan terjemahan yang sama dengan mempunyai sedikit perbezaan dari segi kesinoniman seperti perkataan komitmen dan tanggungjawab. Namun demikian, frasa “*strongly held*” tidak diterjemahkan pada terjemahan dua dan terjemahan tiga yang juga boleh dijelaskan sebagai pengguguran makna dalam konteks terjemahan. Pengguguran makna atau pengurangan merupakan kaedah meninggalkan beberapa perkataan atau frasa yang dirasakan tidak perlu dalam sesuatu terjemahan tanpa menjejaskan maksud yang ingin disampaikan. Dapatan kajian juga mendapati bahawa, terjemahan kata demi kata turut menyebabkan kesalahan dari segi bahasa. Misalnya, perkataan “*inclusiveness*” yang disalah terjemah kepada “keterangkuman” iaitu dengan menggunakan kosa kata yang tidak wujud dalam bahasa sasaran iaitu dalam bahasa Melayu.

Terjemahan Parafrasa Jadual 1.2: Terjemahan Parafrasa

Bahasa Sumber	Bahasa Sasaran
<p><i>Personal Integrity is a strongly held sense of commitment to openness, honesty, inclusiveness and high standards in oneself.</i></p>	<p>1. Integriti peribadi adalah komitmen yang kukuh terhadap keterbukaan, kejujuran, keterangkuman dan mempunyai standard yang tinggi dalam diri sendiri.</p>
	<p>2. Integriti peribadi berpegang teguh kepada komitmen keterbukaan, kejujuran, bertanggungjawab dan mempunyai standard yang tinggi dalam diri.</p>
	<p>3. Integriti diri adalah kesedaran komitmen yang tinggi terhadap keterbukaan, kejujuran, keterangkuman dan taraf yang tinggi dalam diri seseorang.</p>
	<p>4. Integriti peribadi merupakan kesedaran yang kuat tentang tanggungjawab terhadap sikap terbuka, kejujuran, kesempurnaan dan standard yang tinggi dalam diri sendiri.</p>
	<p>5. Integriti diri adalah satu perasaan tanggungjawab yang sangat kuat terhadap sikap keterbukaan, kejujuran, keterangkuman dan juga ketaraf tinggian di dalam diri individu itu sendiri.</p>

Berdasarkan jadual di atas, terdapat lima terjemahan parafrasa yang dikenal pasti dalam hasil dapatan kajian. Menurut Dryden (1631-1700), parafrasa merupakan terjemahan yang dihasilkan berdasarkan makna sesuatu bahasa sumber, iaitu dengan mengekalkan makna tanpa mengambil kira perkataan yang digunakan. Oleh itu, setiap terjemahan parafrasa ini menyampaikan maksud yang sama tanpa memberi penekanan pada aspek perkataan yang digunakan. Dryden (1680), menyatakan bahawa parafrasa merupakan jalan tengah antara terjemahan harfiah dan terjemahan bebas. Hal ini bermaksud, parafrasa merupakan kaedah yang digunakan untuk mengekalkan idea penulis asal dengan menyampaikan kembali maklumat tersebut dalam terjemahan yang berbentuk bebas atau tidak terikat dengan struktur bahasa penulis asal. Dalam hal ini, lima terjemahan di atas dilakukan dengan menggunakan perkataan dan frasa yang tidak sama atau tidak terikat dengan teks asal tetapi mengandungi makna yang sama dengan teks asal. Sebagai contoh, perkataan “*standard*” yang diterjemahkan kepada “taraf” dalam bahasa Melayu. Sekiranya terjemahan ini dilihat secara keseluruhan dari segi semantikanya, penggunaan kaedah parafrasa jelas kelihatan apabila hasil terjemahan tersebut tidak sepenuhnya terkongkong pada teks asal. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa, penambahan makna atau pengembangan turut dilakukan dengan menambahkan penjelasan berkenaan petikan yang diterjemahkan. Contohnya, frasa “*inclusiveness and high standards in oneself*” yang diterjemahkan kepada “keterangkuman dan mempunyai standard yang tinggi dalam diri sendiri”. Di samping itu, kesalahan bahasa turut dapat dikesan dalam terjemahan parafrasa ini iaitu dari segi penggunaan kosa kata “keterangkuman” dan “ketaraf tinggian” yang sememangnya tidak wujud dalam bahasa sasaran.

Jadual 1.3: Terjemahan Tiruan

Bahasa Sumber	Bahasa Sasaran
<p><i>Personal Integrity is a strongly held sense of commitment to openness, honesty, inclusiveness and high standards in oneself.</i></p>	<p>1. Jati diri ialah sifat yang kuat dalam komitmen iaitu sifat keterbukaan, kejujuran, keterangkuman dan keprofesionalan tinggi dalam diri sendiri.</p>
	<p>2. Keperibadian integriti merupakan elemen keperluan yang berpegang teguh kepada sikap keterbukaan, ketelusan, generalisasi dan standard yang tinggi dalam diri.</p>
	<p>3. Integriti sendiri adalah berteraskan komitmen keterbukaan, kejujuran, keterangkuman serta keperluan yang tinggi dalam diri seseorang.</p>
	<p>4. Integriti peribadi merupakan satu tanggungjawab yang besar untuk berterus terang, jujur, keterangkuman dan standard yang tinggi terhadap diri sendiri.</p>
	<p>5. Integriti ialah rasa tanggungjawab terhadap keterbukaan, kejujuran, keterangkuman, dan status dalam diri seseorang.</p>
	<p>6. Kewibawaan diri merupakan suatu perasaan yang kuat terhadap komitmen kepada keterbukaan, kejujuran, keterangkuman dan standard yang tinggi dalam diri sendiri.</p>
	<p>7. Integriti sendiri ialah daya keterbukaan yang dipegang kuat, kejujuran, sifat terangkum dan makam yang tinggi pada diri seseorang.</p>

Berdasarkan jadual di atas, terdapat tujuh terjemahan tiruan yang dikenal pasti melalui hasil dapatan kajian ini. Terjemahan tiruan menurut Dryden (1680), adalah sikap bebas yang diamalkan oleh penterjemah dengan mengubah perkataan dan makna secara serentak apabila dirasakan perlu untuk mengekalkan semangat teks asal. Oleh yang demikian, terjemahan tiruan yang diperoleh melalui dapatan kajian ini mengandungi unsur-unsur seperti yang dijelaskan di atas seperti perubahan perkataan dan makna. Terjemahan tiruan merupakan kaedah yang paling bebas digunakan untuk menghasilkan hasil terjemahan yang mengekalkan semangat teks asal tetapi mengubah bentuk perkataan dan makna secara serentak supaya terjemahan yang dihasilkan kelihatan lebih bersahaja (Dryden, 1680). Dalam hal ini, tujuh terjemahan yang dipilih ini dikategorikan dalam terjemahan tiruan kerana terdapat perubahan perkataan dan makna yang berlaku secara serentak dalam terjemahan ini. Misalnya, frasa “*personal*

integrity” yang diterjemahkan kepada “kewibawaan diri” meskipun terjemahan seperti “integriti diri” atau “integriti peribadi” boleh digunakan. Dalam hal ini, responden telah mengubah penggunaan perkataannya yang secara tidak langsung juga mengubah maknanya. Contoh seterusnya ialah, perkataan “*openness*” yang diterjemahkan kepada “sifat terbuka” meskipun terdapat perkataan “keterbukaan” yang lebih sesuai digunakan untuk terjemahan ini. Terjemahan tiruan ini dapat dilihat dengan jelas pada keseluruhan konteks ayat yang cuba menggantikan perkataan dan makna yang tertentu untuk mengekalkan semangat teks asal tanpa mengubah mesej yang ingin disampaikan.

Objektif 2: Analisis Kaedah Terjemahan

Terdapat beberapa kaedah terjemahan yang boleh digunakan untuk menterjemahkan sesuatu teks daripada satu bahasa kepada satu bahasa yang lain. J.P Vinay dan J. Darbelnet (1958/1995), telah mencadangkan beberapa kaedah terjemahan yang boleh digunakan dalam bidang penterjemahan iaitu seperti kaedah pinjaman, kaedah peniruan, kaedah harfiah, kaedah persamaan, kaedah modulasi, kaedah transposisi dan kaedah adaptasi.

I. Kaedah Pinjaman

Kaedah pinjaman merupakan kaedah yang digunakan apabila sesuatu unsur itu tidak wujud dalam bahasa sasaran. Kebiasaannya ia melibatkan peminjaman perkataan yang tidak ada persamaannya atau padanannya dalam bahasa sasaran yang menyebabkan bahasa sumber dipinjam ke dalam bahasa sasaran.

Teks Sumber: “*Personal Integrity is a strongly held sense of commitment to openness, honesty, inclusiveness and high standards in oneself.*”

Teks Terjemahan: “Integriti diri ialah satu pegangan **komitmen** yang teguh terhadap keterbukaan, kejujuran, keterangkuman dan standard yang tinggi pada diri sendiri.”

Berdasarkan terjemahan di atas, perkataan “*commitment*” telah diterjemahkan kepada “komitmen” dalam bahasa Melayu yang menggambarkan penggunaan kaedah pinjaman. Perkataan yang dipinjam ini diubah bentuk tulisannya dalam bentuk bahasa sasaran.

II. Kaedah Peniruan

Kaedah peniruan merupakan kaedah yang menggunakan konsep pinjaman tetapi perkataan yang dipinjam itu diterjemahkan mengikut bahasa sasaran. Kaedah peniruan terbahagi kepada dua iaitu peniruan penyampaian dan peniruan struktur.

Teks Sumber: “*Personal Integrity is a strongly held sense of commitment to openness, honesty, inclusiveness and high standards in oneself.*”

Teks Terjemahan: “**Integriti peribadi** adalah komitmen yang kukuh terhadap keterbukaan, kejujuran, keterangkuman dan mempunyai standard yang tinggi dalam diri sendiri.”

Berdasarkan terjemahan di atas, kaedah peniruan digunakan untuk menterjemah frasa “*personal integrity*”. Frasa “integriti peribadi” menggambarkan peniruan penyampaian iaitu dengan menterjemahkan frasa yang dipinjam secara literal ke dalam bahasa sasaran. Namun demikian, hasil penelitian terhadap dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak ada peniruan struktur yang ditemui dalam terjemahan teks ini.

III. Kaedah Harfiah

Kaedah harfiah merupakan kaedah yang digunakan untuk menggantikan setiap perkataan dalam bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran dengan memindahkan padanan ayat dalam bahasa sumber terus ke dalam bahasa sasaran tanpa sebarang perubahan yang besar.

Teks Sumber: *“Personal Integrity is a strongly held sense of commitment to openness, honesty, inclusiveness and high standards in oneself.”*

Teks Terjemahan: “Jati diri ialah sifat yang kuat dalam komitmen iaitu sifat keterbukaan, kejujuran, keterangkuman dan keprofesionalan tinggi dalam diri sendiri.”

Berdasarkan terjemahan di atas, perkataan “*honesty*” diterjemahkan menggunakan kaedah harfiah kepada “kejujuran” dalam bahasa Melayu. Umumnya, terjemahan harfiah menggantikan padanan sesuatu perkataan dalam bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran. Namun demikian, tidak semua perkataan yang dapat diterjemahkan menggunakan kaedah ini kerana tidak semua perkataan dalam bahasa sumber mempunyai padanannya dalam bahasa sasaran.

IV. Kaedah Persamaan

Kaedah persamaan merupakan kaedah terjemahan yang digunakan dengan mencari persamaan yang paling terdekat atau yang paling hampir bagi sesuatu perkataan dalam bahasa sasaran. Tujuannya adalah untuk menyampaikan fungsi yang sama seperti dalam bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran.

Teks Sumber: *“Personal Integrity is a strongly held sense of commitment to openness, honesty, inclusiveness and high standards in oneself.”*

Teks Terjemahan: “Integriti ialah rasa tanggungjawab terhadap keterbukaan, kejujuran, keterangkuman, dan status dalam diri seseorang.”

Berdasarkan terjemahan di atas, perkataan “*standard*” telah diterjemahkan menggunakan kaedah persamaan. Kaedah persamaan biasanya melibatkan penggunaan perkataan yang hampir sama atau mempunyai fungsi yang sama dengan perkataan dalam bahasa sumber. Perkataan “*standard*” diterjemahkan kepada “status” yang merupakan salah satu pilihan terjemahan yang mempunyai maksud atau makna yang hampir sama dengan perkataan “*standard*” dalam bahasa Melayu .

V. Kaedah Modulasi

Kaedah modulasi merupakan kaedah terjemahan yang digunakan dengan melakukan sedikit perubahan pada struktur leksikal dalam bahasa sasaran, namun maknanya tetap tidak berubah. Tujuannya juga adalah sama seperti kaedah transposisi iaitu untuk menyampaikan maklumat dalam bentuk yang bersahaja.

Teks Sumber: *“Personal Integrity is a strongly held sense of commitment to openness, honesty, inclusiveness and high standards in oneself.”*

Teks Terjemahan: “**Kewibawaan diri** merupakan suatu perasaan yang kuat terhadap komitmen kepada keterbukaan, kejujuran, keterangkuman dan standard yang tinggi dalam diri sendiri.”

Berdasarkan terjemahan di atas, frasa “*personal integrity*” diterjemahkan menggunakan kaedah modulasi kepada “kewibawaan diri”. Kaedah ini digunakan untuk menyampaikan maklumat dalam bentuk yang

bersahaja dengan melakukan sedikit perubahan pada struktur leksikal sesuatu perkataan tanpa mengubah maksud sesuatu perkataan.

Secara keseluruhannya, kaedah terjemahan yang paling banyak digunakan untuk menterjemahkan teks kajian ini adalah kaedah peniruan dan kaedah harfiah. Kedua-dua kaedah terjemahan ini digunakan sama banyak untuk menterjemahkan teks tersebut, dan diikuti dengan kaedah modulasi yang menjadi kaedah kedua terbanyak yang digunakan oleh kebanyakan responden dalam hasil dapatan kajian. Hasil penelitian terhadap dapatan kajian juga menunjukkan bahawa, kaedah terjemahan yang kurang digunakan adalah kaedah pinjaman, kaedah persamaan dan kaedah modulasi. Namun demikian, kaedah transposisi dan kaedah adaptasi tidak digunakan untuk menterjemahkan mana-mana bahagian dalam teks berkenaan yang menjadikan jumlah keseluruhan kaedah terjemahan yang digunakan adalah sebanyak lima kaedah terjemahan.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, setiap responden menghasilkan terjemahan yang berlainan dalam bahasa sasaran. Hal ini dapat dilihat secara jelas melalui klasifikasi terjemahan yang dilakukan berpandukan kepada teori terjemahan John Dryden (1697) yang dibahagikan kepada terjemahan metafrasa, terjemahan parafrasa dan terjemahan tiruan. Hasil dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kelainan terjemahan terjadi disebabkan oleh perbezaan yang wujud di antara dua bahasa yang terlibat iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Hal ini terjadi apabila sesuatu perkataan yang digunakan mengandungi beberapa padanan yang berbeza dalam bahasa sasaran dan menghasilkan bentuk terjemahan yang berlainan. Namun demikian, tidak semua terjemahan yang dihasilkan itu tepat dari segi bahasa yang menyebabkan hasil terjemahan itu kekok dan tidak mudah difahami. Selain itu, penggunaan kaedah terjemahan yang berlainan turut menghasilkan terjemahan yang dianggap berbeza atau berlainan. Kesimpulannya, setiap perkataan dalam bahasa sumber mempunyai padanan terjemahan yang berlainan dalam bahasa sasaran berdasarkan kepada pengguna atau orang yang menterjemahkannya.

BIBLIOGRAFI

- Brislin, R. W. (1976). *Translation: application and research*. New York: Gardner Press Inc.
- Halliday, M.A.K.(1968). *The Users and Uses of Language*. Fishman (ed). Readings in the Sociology of Language. The Hague: Mouton.
- Ishraq M. Aqel (2013). *The Effect Of Using Grammar-Translation Method On Acquiring English As A Foreign Language*. International Journal of Asian Social Science, 3(12), 2469-2476.
- Kaithiri Arumugam. *Definisi Pemerolehan Bahasa Kedua*
<http://kaithiriarumugam.blogspot.com/p/definispemerolehan-bahasakedua.html>. Diakses pada 5 April 2017.
- Kamaruddin Hj. Husin (1993). *Panduan dan Latihan Bahasa Malaysia UKELP untuk Calon Ujian Kelayakan Pendidikan Guru*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Mangantar Simanjuntak (1987). *Pengantar Psikolinguistik Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammed Nasser Alhuqbani (2013). *The English But and Its Equivalent in Standard Arabic: Universality vs. Locality*. Theory and Practice in Language Studies, 3, 2157-2168.
- Nida, E.A. & C.R. Taber (1974). *The Theory and Practice of Translation*. Leiden: E.J. Brill, Leiden.
- Nurkhalisah @ Naemah Mustapa (2013). *Issues in Translation between English and Malay*. Southeast Asia: A Multidisciplinary Journal, 13, 27–34.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu (2014).
Dewan Bahasa dan Pustaka. <http://prpm.dbp.gov.my/>
- Siti Hajar Abdul Aziz (2009). *Bahasa Melayu II*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Stark, Susanne (1999). *Translation and Anglo-German Cultural Relations in The Nineteenth Century*.
Great Britain: WBC Book Manufactures Ltd.